

NO SOALAN :59**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI
(KUALA NERUS)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 08.08.2017

Y.B. UST. DATO' DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pelaksanaan GST terhadap kenaikan harga barangan dan perkhidmatan sejak ia dikuatkuasakan sehingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan kadar inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos sara hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah. Untuk makluman,

purata kadar inflasi bagi tempoh April - Disember 2015 iaitu tahun pertama GST dilaksanakan adalah 2.6%. Bagi suku pertama tahun 2016 kadar inflasi adalah 3.4%. Sementara itu, bagi suku ketiga tahun 2016 kadar inflasi telah menurun kepada 1.3% yang disumbangkan oleh antara lain jangkaan harga runcit petrol kekal rendah. Kedudukan kadar inflasi bagi keseluruhan tahun 2016 berada pada kadar terkawal iaitu 2.1% dan dijangkakan kedudukan kadar inflasi bagi keseluruhan tahun 2017 berada pada kadar terkawal iaitu 3%-4%.

Secara amnya, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan harga barangan dan perkhidmatan di pasaran seperti faktor permintaan dan penawaran (*demand and supply*), faktor keadaan cuaca, kedudukan ekonomi global, persaingan, kadar tukaran wang asing, kadar upah dan sebagainya. Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sentiasa memberi tumpuan untuk membendung isu kenaikan harga barang. Pelbagai langkah kawalan harga serta inisiatif bagi memastikan banyak barangan keperluan dapat ditawarkan pada harga yang berpatutan kepada pengguna. Antara langkah yang telah dan akan terus dilaksanakan adalah:

- i. menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh

Penjual Runcit) 1993;

- ii. melaksanakan Skim Kawalan Harga Musim Perayaan;
- iii. melaksanakan Kempen Penurunan Harga;
- iv. membuka Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dan Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M);
- v. mengadakan program Kedai Harga Patut; dan
- vi. menyeragamkan harga barang-barang keperluan pengguna melalui Program Penyeragaman Harga dan Mobile KR1M.

Di samping itu, aktiviti penguatkuasaan yang lebih rapi iaitu memastikan kehadiran pegawai penguatkuasa KPDNKK untuk melaksanakan langkah penguatkuasaan ke atas perniagaan dijalankan secara berterusan di seluruh negara. KPDNKK juga turut memperkukuhkan pemantuan harga dengan mengadakan kerjasama bersama pelbagai pihak, antara lain:

- i. Pegawai Pemantau Harga yang menjalankan pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara di bawah KPDNKK;
- ii. *Friends of KPDNKK* yang merupakan mata dan telinga KPDNKK untuk membuat pemerhatian, laporan dan aduan mengenai aktiviti penyelewengan dan penyalahgunaan; dan
- iii. Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan lain serta penglibatan penghulu dan penggawa dalam membantu memantau dan

menyalurkan maklumat kenaikan harga barangan dan caj perkhidmatan di premis perniagaan kepada KPDNKK.

Selain daripada itu, KPDNKK telah menyediakan pelbagai medium untuk memudahkan lagi penyaluran aduan dengan membangunkan **aplikasi Ez-ADU** bagi menggalakkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan sebarang isu yang melibatkan kenaikan harga termasuk kegiatan manipulasi harga dan timbang sukatan. KPDNKK turut mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan Rakyat (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** dalam usaha untuk menangani aduan rakyat dengan lebih berkesan.

Kerajaan berharap melalui inisiatif yang telah disebutkan dan kesedaran pengguna untuk menggunakan saluran yang tepat dalam melindungi kepentingan mereka daripada aktiviti manipulasi timbang sukatan dan pengenaan harga yang tidak berpatutan oleh golongan peniaga yang tidak bertanggungjawab akan dapat membantu untuk membendung kenaikan harga yang ketara.